
Title	Ejaan Rumi bahasa Melayu ejaan yang selalu disalaheja
Author(s)	Muhammad Ariff bin Ahmad

Copyright © [1987] Muhammad Ariff bin Ahmad

Haji Muhammad Ariff Ahmad
Jawatankuasa Bahasa Melayu Singapura
untuk siaran Radio 2 (4)

EJAAN RUMI BAHASA MELAYU
EJAAN YANG SELALU DISALAHEJA

Apabila Ejaan Rumi [Baru] dirasmikan penggunaannya [tahun 1972 di Malaysia dan di Indonesia; tahun 1977 di Singapura] beberapa kesilapan yang menonjol terdapat dalam tulisan-tulisan kita sama ada yang di surat-khabar atau yang di kaca televisyen, seperti:

oleh diejakan: olih
boleh diejakan: bolih
hormat diejakan: hurmat
mereka diejakan: merika
kecewa diejakan: keciwa

Kesilapan itu berlaku kerana banyak orang menyangka bahawa perubahan ejaan itu berlaku pada penggunaan /o/ ke /u/ dan /e/ ke /i/ sahaja; itulah sebabnya hormat dieja hurmat, mereka dieja merika, oleh dieja olih dan sebagainya.

Selain daripada itu terdapat juga kekecohan berlaku dalam pengejaan di dan ke yang dituliskan serangkai dengan kata dasarnya, dan di dan ke yang ditulis terpisah dari kata dasarnya, misalnya:

diekur sepatutnya ditulis: di ekor
di ambil sepatutnya ditulis: diambil
kemana sepatutnya ditulis: di mana

dan sebagainya.

Semenjak Jawatankuasa Bahasa Melayu [Kementerian Kebudayaan Singapura] menasihatkan pengguna-pengguna bahasa Melayu di sini supaya menggunakan Daftar Ejaan Rumi Bahasa Malaysia [1981] sebagai pedoman mengeja ejaan-ejaan umum, Alhamdulillah, kesilapan-kesilapan yang menonjol seperti yang dinyatakan tadi mulai berkurangan walaupun masih terdapat juga kesilapan-kesilapan yang tersembunyi, umpamanya:

(a) tentang penggunaan tanda sempang sebagai perangkai kata gabungan; dari satu berita ringkas mengenai 'bakal pengantin terbunuh dalam nahas jalan raya' di Berita Harian [mengan-
dungi 237 perkataan] terdapat tiga kesilapan penggunaan tanda sempang dan satu kesilapan pengejaan serangkai, iaitu:

● diijab-kabulkan sepatutnya dieja: diijabkabulkan

- hancur-lebur sepatutnya dieja: hancur lebur
- insyaAllah sepatutnya dieja: insya-Allah
- bolasepak sepatutnya dieja: bola sepak

(b) tentang ejaan khas yang ditetapkan oleh MBIM:

- agama bukan: igama; ugama
- manfaat bukan: manafaat; munafaat
- munasabah bukan: manasabah
- pusaka bukan: pesaka
- neraka bukan: nuraka
- teladan bukan: tauladan
- depan bukan: hadapan
- bawasir bukan: buasir
- jambatan bukan: jembatan
- kelangkang bukan: kelengkang

(c) tentang ketetapan ejaan yang tidak tetap:

- terima kaseh -terimakasih = terima kasih
- kerana -karena = kerana
- jawapan -jawaban = jawapan

(d) tentang /b/ penutup morfem yang tidak berubah **dan** yang berubah menjadi /p/ apabila bertemu dengan akhiran "an", misalnya:

- adab jadi: peradaban
- tertib jadi: ketertiban
- ajaib jadi: keajaiban
- jawab jadi: jawapan

(e) tentang perubahan vokal pada morfem awal yang tidak jelas sebabnya, misalnya:

- ringan jadi: ringan
- sehat jadi: sihat
- pehak jadi: pihak
- fatehah jadi: fatihah
- terisak-isak jadi: teresak-esak

(f) tentang membezakan ejaan istilah umum dan istilah khusus, misalnya:

- analisa (umum) analisis (khusus)
- ejen (umum) agen (khusus)

(g) tentang kekata yang dieja' dua macam, misalnya:

- afal boleh juga dieja: hafaz [bukan hafal]
- dengu boleh juga dieja: dungu
- baru boleh juga dieja: baharu
- dirus boleh juga dieja: jirus
- gelatik boleh juga dieja: jelatik
- bagi boleh juga dieja: bahagi
- telaah boleh juga dieja: mutalaah
- rompak boleh juga dieja: rampok
- bazir boleh juga dieja: mubazir

(h) tentang ejaan yang sama dan yang tak sama bagi kekata yang bunyinya sama tetapi maknanya tak sama:

(1) yang ejaannya sama:

- anggur [nama buah; tak ada kerja]
- arak [nama minuman; jalan ramai-ramai]
- baut [tukang pukul; besi penyambung kayu]
- bela [pelihara; menuntut balas]
- sepak [dengan tangan; dengan kaki]
- bentan [berbalik sakit; sejenis tumbuhan]
- indah [cantik; acuh]
- gelang [lingkaran; sejenis tumbuhan]
- gelebar [bercerai-cerai; berkibar-kibar]
- rendang [goreng; rimbun]

(2) yang ejaannya tak sama:

- | | |
|---------------------------|--------------------------------|
| ● bahu (anggota) | bau (hidu) |
| ● barong (hantu-hantuan) | barung (sejenis tumbuhan) |
| ● cocok (sesuai) | cucuk (tusuk) |
| ● colek (cuit) | culik (curi bawa lari) |
| ● kelangkang (celah paha) | kelengkang (gelang anak kunci) |
| ● kisah (cerita) | kesah (keluh) |
| ● baru (lawan lama) | baharu (lawan buruk) |
| ● lancong (bersiar-siar) | lancung (palsu; tidak asli) |
| ● pesara (pasar) | pusara (kubur) |
| ● tahu (faham) | tauhu (makanan) |
| ● arus (current) | harus (mesti) |
| ● bagi (beri; untuk) | bahagi (penggal) |

(i) tentang pengejaan kekata berasal dari bahasa Arab yang terguna sebagai istilah umum dan istilah khusus yang tidak mendapat perhatian yang wajar, sekurang-kurangnya perhatian yang sama seperti yang diberikan terhadap kekata yang terambil dari bahasa Inggeris, misalnya:

- takbir tidak membezakan takbir [bermakna: membesarkan] ta'bir [bermakna: menafsirkan]
- salat tidak membezakan salat [makanan] dengan shalat [bermakna: sembahyang]
- nikmat tidak membezakan ni'mat [rasa bahagia] dengan nikmat [bermakna: sengsara]

Di Singapura, pelajaran IRK [Pengetahuan Agama Islam] diajarkan di sekolah-sekolah menerusi bahasa Melayu dengan tulisan rumi. Banyak istilah khusus yang terguna dalam pengajaran itu yang perlu disebut menurut sebutan asalnya, misalnya seperti Makkah, fardhu, sunnat, qurban, aqiqah, fiqh, Muharram dan sebagainya. Jika kekata yang terambil dari bahasa Inggeris kerana kepentingan ilmu pengetahuan, seperti ejen dengan agen; analisa dengan analisis tadi dapat dibezakan ejaannya kerana memelihara konsep maknanya, atas nama 'istilah umum' dan 'istilah khusus', maka tidaklah adil kalau kaedah itu tidak dapat diterapkan kepada pengejaan Melayu kekata Arab yang dianggap 'istilah khusus'. Masalah ini perlulah difikirkan.

Suatu hal lagi, yang nampaknya, masih mengelirukan banyak orang ialah tentang penasalan yang berlaku apabila kata dasar diimbuhi dengan awalan 'pe' atau 'me'. Fonlogi Melayu menetapkan bahawa konsonan-konsonan lemah yang menjadi pemula sesuatu kata dasar itu luluh ketindihan nasal-nasal tertentu apakala kata dasar itu diimbuhi dengan awalan 'pe' atau 'me', misalnya:

- karut jadi: pengarut; mengarut
- kurung jadi: mengurung; pengurung
- paksa jadi: pemaksa; memaksa
- pungut jadi: pemungut; memungut
- serang jadi: penyerang; menyerang
- suruh jadi: penyuruh; menyuruh
- tolong jadi: penolong; menolong
- tunggu jadi: penunggu; menunggu

Demikianlah juga bagi kekata asing yang masuk Melayu, seperti:

kritik, proses, stor, tres dan yang sebagainya. Kekata-kekata itu apabila dipakaikan awalan 'pe' atau 'me',

- kritik jadi: pengkritik; mengkritik [bukan pengkritik]
- proses jadi: pemroses; memroses [bukan memproses]
- stor jadi: penytor; menytor [bukan menstor]
- tres jadi: penres; menres [bukan mentres]

Yang paling biasa disalah eja tetapi dianggap betul oleh banyak orang ialah kekata seperti: penglibatan, penglihatan, pelaksanaan dan penglipur. Peraturan telah menetapkan bahawa tiap kekata yang berpemulakan konsonan /l/ apabila diimbuhi dengan awalan 'pe' atau 'me', awalan-awalan itu tidak bernasal dan /l/ itu tidak luluh. Kekata yang tersebut tadi seharusnya dieja: pelibatan; pelihatan; pelaksanaan dan pelipur, tetapi oleh kerana kekata penglipur dan penglihatan^{penglibatan} itu terdapat dalam kamus dewan, maka banyak orang yang menganggap ejaan itu adalah benar.

Satu lagi kebiasaan menyalajejakan berlaku pada kata dasar yang berpemulakan konsonan lemah diimbuhi awalan 'ke' seperti:

- tepi jadi: ketepi
- tengah jadi: ketengah
- samping jadi: kesamping

apabila kekata-kekata itu diimbuhi lagi dengan awalan "me" maka jadi-lah kekata-kekata itu:

- mengetepikan bukan: mengenepikan
- mengetengahkan bukan: mengenenghkan
- mengesampingkan bukan: mengenyampingkan